



**TEKS UCAPAN OLEH**  
**DATO' AHMAD FUAAD KENALI**  
**KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF**  
**MALAKOFF CORPORATION BERHAD**

**SEMPENA**  
**ANUGERAH KHIDMAT PEKERJA MALAKOFF 2017**

YBhg Datuk Haji Hasni Harun,  
Pengerusi Malakoff

Pihak Pengurusan Kanan Malakoff,

Pengurus-pengurus stesen loji janakuasa, dan

Warga kerja Malakoff,

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Saya bagi pihak pengurusan Malakoff Corporation Berhad, mengucapkan selamat datang ke Majlis Jamuan Makan Malam Tahunan Karnival Sukan Malakoff bagi tahun 2017. Saya amat berbesar hati kerana dapat bersama-sama anda, meraikan peserta-peserta Karnival Sukan Malakoff dan penerima-penerima “Long Term Service Award” pada tahun ini.

Tuan – tuan dan Puan-puan,

Karnival sukan Malakoff merupakan salah satu inisiatif syarikat untuk mengeratkan silaturrahim antara semua warga kerja Malakoff. Karnival Sukan pada tahun ini disertai oleh enam pasukan daripada KLHQ, Tanjung Bin Power, Tanjung Bin Energy, Prai Power, Port Dickson Power dan Lumut Power Plant di mana ianya mewakili setiap kawasan operasi Malakoff di seluruh Semenanjung Malaysia.

Saya difahamkan bahawa karnival sukan merupakan acara yang paling dinanti-nantikan oleh warga kerja Malakoff setiap tahun. Sambutan terhadap karnival ini juga semakin meningkat dan para peserta menjadi semakin kompetitif di dalam acara sukan masing-masing. Pada tahun ini sahaja, seramai 300 orang peserta telah mengambil bahagian dalam sembilan acara sukan yang dipertandingkan iaitu bola sepak, futsal, boling, *dart*, ping pong, tennis, badminton, carrom dan golf.

Ianya membolehkan warga kerja berkumpul di bawah satu program riadah seterusnya dapat mengekalkan keharmonian yang berterusan. Ianya bertepatan dengan nilai-nilai korporat Malakoff yang menekankan kepada integriti, semangat berpasukan, inovatif, kecemerlangan dan saling hormat menghormati.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

Matlamat kita agar karnival sukan sebegini dapat menyatukan warga kerja Malakoff dalam suasana yang lebih santai sambil beriadah. Sifat kompetitif dan positif untuk berjaya dalam setiap acara sukan pasti dapat menggalakkan pembentukan warga kerja yang sentiasa sedia berkhidmat

secara efektif dan professional. Karnival sukan ini juga merupakan satu wadah yang mendukung matlamat syarikat untuk melahirkan warga kerja yang cergas, aktif, berdisiplin, berdaya maju dan berdaya tahan. Ini bersesuaian dengan nilai-nilai korporat Malakoff yang menekankan kepada integriti, semangat berpasukan, inovasi, kecemerlangan dan sikap saling hormat menghormati antara satu sama lain.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

Pada malam ini, kita meraikan 89 warga kerja yang telah berkhidmat selama 20,15 dan 10 tahun di Malakoff. **Long Term Service Award** atau LTSA yang disampaikan kepada mereka merupakan satu bentuk penghargaan dan insentif terhadap jasa dan bakti yang telah mereka curahkan kepada syarikat sepanjang tempoh perkhidmatan mereka.

Tahun ini, seramai 10 orang penerima anugerah untuk 20 tahun, 29 orang menerima anugerah untuk 15 tahun dan 50 orang menerima anugerah untuk 10 tahun.

Bagi pihak pengurusan syarikat, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi terima kasih kepada penerima-penerima LTSA di atas pengorbanan dan sumbangan yang telah mereka berikan kepada Malakoff selama ini.

Semoga penganugerahan ini akan menjadi pembakar semangat bagi rakan-rakan sekerja yang lain untuk terus berkhidmat dengan Malakoff dan bekerja bersungguh-sungguh demi kebaikan syarikat dan semua warga kerjanya.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

Adat bertanding, pasti ada yang menang dan ada yang kalah. Kepada yang menang, tahniah dan teruskan kecemerlangan anda. Kepada yang kurang bernasib baik, ayuh bangkit dan jangan mudah mengalah. Tingkatkan usaha anda dan cuba lagi di tahun yang akan datang.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

Di sini, saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua yang telah bertungkus-lumus demi menjayakan karnival tahunan ini, terutama sekali kepada jawatankuasa penganjur dan *Chef De Mission* setiap pasukan yang telah berusaha demi memastikan karnival ini berjalan lancar.

Akhir kata, syabas dan tahniah kepada semua peserta Karnival Sukan Malakoff dan penerima LTSA tahun 2017.

Semoga kita bersua lagi dalam Karnival Sukan Malakoff tahun hadapan!

Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Sekian, terima kasih.